



**TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN AGENSI-AGENSI
PERSEKUTUAN SARAWAK
JUN 2010**

**ANJURAN
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
NEGERI SARAWAK**

OLEH

**Y.BHG TUAN MD YAHAYA BASIMIN
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

PADA

15 JUN 2010

Bismillahir rahmanir rahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam
sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah hirabbil 'alamin wa solatuwassalam ala
asrafil anbiya iwalmursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in

Saudari Pengerusi Majlis yang dihormati

Y.Bhg. Datu Abu Bakar bin Mat

Pengarah Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan dan
Agensi Persekutuan serta Badan Berkanun,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati dan dikasihi
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya dapat kita sekali lagi bersama-sama hadir ke Perhimpunan Bulanan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Negeri Sarawak bilangan 5 tahun 2010 pada pagi ini.
2. Setinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Y.Bhg. Datu Abu Bakar bin Mat, Pengarah Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak, pegawai dan seluruh warga Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak di atas penganjuran dan pengendalian perhimpunan bulanan pada pagi ini.
3. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Sarawak dan merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang bertukar

dari Sarawak mahupun yang telah bersara dari perkhidmatan awam di atas sumbangan bakti mereka semasa berkhidmat di negeri Sarawak.

4. Saya ingin menyatakan tahniah kepada penerima-penerima Pingat Perkhidmatan Setia daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang berlangsung di Sri Aman pada 10 Jun 2010 yang lalu. Sumbangan dan jasa mereka selama lebih 20 tahun telah membantu Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dalam pelbagai bidang pembangunan, sosial dan ekonomi di negeri ini. Pemberian pingat pada kali ini melibatkan 238 penjawat awam Persekutuan daripada Jabatan Pelajaran Negeri (144) seterusnya Jabatan Kesihatan (86) dan Jabatan Pendaftaran Negara (8).

5. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2009 dari Jabatan dan Agensi masing-masing. Diharap pengiktirafan yang diterima dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

6. Penghargaan juga saya tujukan kepada kakitangan *frontliner* di atas perkhidmatan yang mereka beri sebagai penyampai atau pengantara bagi perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai. Semasa menjalankan tugas saya percaya mereka menerima aduan-aduan ataupun rasa tidak puas hati daripada pelanggan mereka walaupun mereka telah memberikan perkhidmatan yang terbaik.

7. Saya berharap mereka ini dapat menerima segala kritikan atau teguran sama ada yang berasas atau tidak dengan hati yang terbuka dan menganggap perkara tersebut sebagai maklumbalas yang berguna supaya perkhidmatan pada orang ramai di jabatan dan agensi masing-masing dapat dipertingkatkan lagi. Sekiranya perlu perkara seumpama itu seelok-eloknya dimaklumkan kepada Ketua Jabatan supaya ia dijadikan panduan untuk menambahbaik perkhidmatan di jabatan masing-masing.

8. Sempena Perasmian Program 'Sejiwa Senada' Kerajaan Bersama Rakyat Peringkat Bahagian Sib

pada 12 Jun 2010, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada jabatan dan agensi persekutuan yang telah mengambil bahagian dalam program tersebut. Kita dijangka akan melaksanakan program seumpama ini di sebelas (11) tempat lagi di seluruh negeri Sarawak. Untuk program pelancaran seterusnya, saya mohon supaya kerjasama yang diberikan perlu lebih baik lagi dapat diberikan. Semasa mengadakan pameran umpamanya apa jua program ataupun perkhidmatan yang disediakan bolehlah dimaklumkan kepada orang ramai supaya mereka dapat menggunakan kesempatan tersebut bagi mendapatkan perkhidmatan, maklumat-maklumat yang mungkin diperlukan dan masalah-masalah mereka dapat diselesaikan.

9. Berdasarkan hasil daripada laporan Lawatan Kualiti Inspektorat, Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Produktiviti Negeri Sarawak telah mengenalpasti beberapa aspek penyampaian perkhidmatan yang masih boleh dipertingkatkan lagi. Ini meliputi perkhidmatan di beberapa jabatan yang memang

sudah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dan inovasi seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen. Ini menggambarkan bahawa masih ada ruang bagi semua jabatan-jabatan membuat penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan mereka dan ini menunjukkan bahawa proses penambahbaikan adalah sesuatu yang berterusan. Saya berharap penambahbaikan bukan sahaja tertumpu kepada peringkat ibu pejabat di Kuching malah ianya perlu diperluaskan ke peringkat cawangan utama di bahagian dan daerah agensi masing-masing di seluruh Sarawak.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMKE10)

10. Pada 11 Jun 2010 yang lalu YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

11. Rancangan Malaysia Ke-10 dari 2011 hingga 2015 memperuntukkan sejumlah RM290 bilion untuk pembangunan fizikal dan bukan fizikal. RMKe-10 menyediakan peruntukan besar untuk program bukan fizikal seperti latihan kepakaran, peningkatan kemahiran, penyelidikan dan modal teroka, manakala pembinaan infrastruktur dikurangkan.

12. Penumpuan kepada pembangunan bukan fizikal dan dapat menyokong hasrat kerajaan menerusi MEB untuk menjadikan Malaysia sebuah pendaatan tinggi berteraskan inovasi dan kreativiti menjelang tahun 2020.

13. Sementara itu, liputan kemudahan asas luar bandar dalam RMKe10 akan diperluaskan dan Kerajaan mensasarkan:
 - i. Pembinaan jalan raya berturap sepanjang 6,300 kilometer di Semenanjung Malaysia, 2,500 kilometer di Sabah dan 2,800 kilometer di Sarawak. Pembangunan kemudahan tersebut

dijangka akan memberi faedah kepada 3.3 juta penduduk;

- ii. Meluaskan perkhidmatan bekalan air luar bandar yang lebih berkualiti dengan sasaran liputan sebanyak 99 peratus di Semenanjung Malaysia, 98 peratus di Sabah dan 95 peratus di Sarawak. Ini merangkumi penyambungan air ke 317,100 buah rumah di seluruh Malaysia di mana 87,400 daripadanya adalah penyambungan bekalan air ke rumah di Sarawak (Semenanjung Malaysia-117,000 buah rumah, Sabah-112,700 buah rumah); dan
- iii. Penyambungan kemudahan bekalan elektrik di luar bandar turut diperluaskan meliputi 76,000 buah rumah di Sarawak, 56,000 dan 6,000 masing-masing di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

14. Peruntukan kewangan yang diperuntukan untuk negeri Sarawak akan menerima peruntukan besar bagi melaksanakan projek-projek tersebut. Kita menjangkakan banyak lagi peruntukan akan disediakan khususnya bagi menjalankan program-program yang boleh membantu meningkatkan pendapatan dan menaikkan taraf hidup rakyat di Sarawak. Oleh itu, saya berharap semua agensi-agensi Persekutuan yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan semua projek/program dapat melaksanakannya dengan segera tanpa berlengah atau menunggu sehingga di penghujung rancangan lima (5) tahun tersebut. Bagi projek-projek yang bernilai tinggi proses penilaian projek dan proses tender perlulah dipercepatkan supaya peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Kita harus mengambil iktibar dari segala kesilapan dan kekurangan yang wujud dalam melaksanakan segala program dan projek dalam RMKe-9 yang kini hanya tinggal beberapa bulan sahaja.

15. Bagi projek-projek yang dilaksanakan ia hendaklah dirancang dan dibincang dengan Pihak Berkuasa Negeri dan mengambilkira pandangan rakyat setempat supaya setiap projek memenuhi kehendak dan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk tempatan.

16. Di samping itu projek-projek yang hendak dilaksanakan hendaklah dilihat dari sudut keperluan berasaskan kepada pendekatan *value for money* serta boleh memberi impak ekonomi yang berterusan dan mengurangkan ketirisan peruntukan kerajaan. Saya berharap tidak ada lagi rungutan-rungutan daripada masyarakat setempat yang mengatakan bahawa projek-projek lambat dilaksanakan serta tidak memberi manfaat kepada golongan sasaran.

17. Kandungan RMKe-10 juga turut memperincikan kaedah untuk meningkatkan produktiviti dan kepakaran khususnya dalam menggalakkan inovasi dan kreativiti. Pelan induk berkenaan menggariskan kaedah untuk mengurangkan defisit Kerajaan untuk tempoh lima (5) akan datang.

WORLD COMPETITIVENESS

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Bagi memastikan program-program yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya ia memerlukan satu perkhidmatan awam yang berkualiti dan berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Oleh itu pelbagai program telah dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi dan keupayaan perkhidmatan awam. Di antara usaha yang dilaksanakan ialah Program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Program Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti, Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Program Pelaksanaan MS ISO 9000. Usaha-usaha ini telahpun membantu mewujudkan asas yang kukuh bagi memastikan prestasi perkhidmatan awam yang berkualiti.

19. **Namun demikian, cabaran-cabaran masa kini memerlukan perkhidmatan awam mengamalkan pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif dan**

menyeluruh. Aspek-aspek pemantauan yang rapi dan sikap proaktif akan dapat mengurangkan bilangan projek-projek lewat jadual, projek-projek sakit atau terbengkalai.

20. Hasil daripada beberapa pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan sepanjang tempoh setahun yang lalu Malaysia kini berada dalam tangga sepuluh (10) teratas berbanding tangga kelapan belas (18) tahun sebelumnya bagi negara yang paling berdaya saing di dunia.

21. Bagi memastikan tahap daya saing negara di peringkat antarabangsa terus bertambah baik ia memerlukan setiap daripada kita dapat memberi sumbangan yang lebih dari biasa supaya agenda transformasi sektor awam serta aspirasi menjadi sebuah negara maju dapat dicapai.

22. Kekuatan peribadi, moral dan nilai sendiri adalah senjata paling berkesan supaya kita semua melakukan yang terbaik semasa menjalankan tugas dan mengelakkan diri dari melanggar peraturan pentadbiran serta pelbagai gejala yang tidak diingini.

23. Perkara-perkara yang baik akan diberi ganjaran dan begitu juga perkara-perkara yang jahat, keji, menyeleweng, rasuah, tidak berintegriti dan sebagainya akan dibalas dengan balasan yang setimpal.

24. Justeru, kita perlulah mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam setiap tindak-tanduk dan perlakuan mereka di samping sentiasa berfikiran positif dan memikirkan cara terbaik untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada semua pihak.

PEKA KEPADA DASAR-DASAR KERAJAAN

25. Saya ingin mengingatkan kepada para penjawat awam agar peka terhadap semua dasar yang diputuskan oleh Kerajaan dan perlulah melaksanakan perkara-perkara yang telah diputuskan dengan cepat dan tepat. Penjawat awam juga harus dilihat sebagai pemudahcara supaya dapat mewujudkan keseimbangan di antara kehendak kerajaan dan keperluan rakyat. Selain daripada itu penjawat awam

juga berperanan sebagai penasihat kepada pemimpin dan ahli-ahli pentadbiran.

Sidang hadirin sekalian,

INTEGRITI CARA HIDUP

26. Nilai-nilai yang murni dan sikap yang positif akan diterjemahkan menjadi satu budaya dan sekiranya dipupuk dan dikembangkan ia akan menguatkan jati diri individu. Saya percaya seterusnya ia akan melahirkan masyarakat yang berintegriti dan berinovasi. Integriti merupakan satu cara hidup yang menjadi landasan dan panduan kepada seseorang dari buaian sehingga ke liang lahad. Saya percaya suatu pentadbiran yang baik bermula dari sebuah institusi kekeluargaan yang hidup dalam aman dan damai. Oleh itu saya berdoa agar setiap daripada kita akan diberi kesejahteraan di semua peringkat iaitu daripada satu kehidupan yang sempurna di rumah kepada satu prestasi yang baik semasa di pejabat.

27. Cemerlang dalam konteks keagamaan bukan hanya ditunjukkan secara lahiriah tetapi dari segi rohani dan

spiritual yang merangkumi akhlak dan ketakwaan kepada Tuhan. Asas kecemerlangan sebegini perlu diterapkan dalam setiap individu bagi memastikan integriti dan sahsiah setiap penjawat awam sentiasa terjaga. Ini bermaksud setiap penjawat awam perlu menerapkan nilai-nilai murni yang sentiasa diamalkan berdasarkan ajaran dan amalan agama kita.

Sidang hadirin sekalian,

28. Kita tidak seharusnya mudah berpuas hati dengan pencapaian yang dikecapi di jabatan masing-masing. Seharusnya, pencapaian terdahulu dijadikan sebagai *platform* untuk merangka strategi dalam mempertingkatkan lagi prestasi di masa akan datang.
29. Anggota perkhidmatan awam hendaklah memberi nasihat yang ikhlas dan jujur kepada menteri walaupun kadang-kadang sesuatu itu, kurang molek untuk didengar.
30. Saya berharap semua Ketua Jabatan dan agensi dapat bekerjasama dalam melaksanakan program-

program demi kepentingan rakyat. Ini adalah penting supaya tindakan yang diambil dapat dilaksanakan secara holistik supaya hasil daripada tindakan-tindakan tersebut memberi kesan yang maksima demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

31. Berdasarkan kepada senario yang telah saya sebutkan tadi segala tindakan yang diambil dalam masa terdekat ini ia telah berjaya menghasilkan pertumbuhan ekonomi negara meningkat kepada 10.1% dalam suku pertama tahun 2010. Ini merupakan satu pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan ramalan pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka meningkat dalam lingkungan 5%.

32. Adalah diharapkan pertumbuhan ekonomi ini akan terus stabil sekurang-kurangnya dalam lingkungan 6% setahun atau lebih sepanjang tempoh RMKe-10 bagi memastikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai.

33. Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada hos perhimpunan bulanan pada kali ini iaitu Jabatan Pendaftaran Negara khususnya Y.Bhg Datu Abu Bakar serta pegawai dan kakitangan JPN yang telah bertungkus lumus membuat persiapan perhimpunan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Datuk-datuk, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang menghadiri perhimpunan agensi Persekutuan pada kali ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamulaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.